

SULIT



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH PULAU PINANG**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2010
SEJARAH
Kertas 1
Ogos 2010**

21/1

1 ¼ jam


Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah



1. Pengertian sejarah di atas telah dikemukakan oleh ...
 - A. Tun Sri Lanang
 - B. Herodotus
 - C. Ibn Khaldun
 - D. Muhd. Yusof Ibrahim

2. Sesuatu peristiwa itu dianggap sebagai sejarah seandainya mempunyai ciri-ciri seperti berikut ...
 - A. tepat dan benar
 - B. mitos
 - C. berkontroversi
 - D. menarik

- Batu Bersurat Terengganu
 - Catatan Pelayaran Ibnu Batutta

3. Senarai di atas dapat digolongkan sebagai ...
 - A. sumber primer
 - B. sumber bertulis
 - C. sumber arkeologi
 - D. sumber sekunder


- Gua Niah (Sarawak)
 - Tingkayu (Sabah)
 - Kota Tampan (Perak)

4. Bahan-bahan arkeologi yang mungkin dijumpai oleh ahli arkeologi di petempatan tersebut di atas ialah ...
 - A. Kapak gangsa
 - B. Tembikar
 - C. Batu tajam
 - D. Periuk belanga

[Lihat halaman sebelah



5. Rajah di atas menunjukkan dua bentuk kerajaan awal di Asia Tenggara. Pernyataan manakah yang menerangkan kerajaan Agraria?
- Kerajaan yang berasaskan perdagangan
 - Kerajaan yang berasaskan kepercayaan animisme
 - Kerajaan yang berasaskan pertanian
 - Kerajaan yang berasaskan perindustrian



6. Rajah di atas menunjukkan perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka. X ialah ...
- Betawi
 - Riau
 - Bentan
 - Muar


Kedatangan Parameswara dan pengikutnya disambut baik oleh pemerintah Temasik

7. Apakah peristiwa penting yang berlaku di Temasik akibat daripada ketibaan Parameswara?
- Parameswara dihalau oleh Temagi
 - Parameswara berjaya menubuhkan kerajaan baru
 - Parameswara menyerang kerajaan Majapahit
 - Parameswara membunuh Temagi

[Lihat halaman sebelah

Sultan menerajui pemerintahan dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

8. Apakah peranan sultan dalam urusan pentadbiran?
- A. Ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu
 - B. Mengetuai utusan ke luar negara
 - C. Melantik pengawal peribadi raja
 - D. Ketua Protokol Istana



9. Apakah kesan positif yang timbul daripada hubungan yang terjalin?
- A. Melaka menjadi kuasa tentera yang kuat
 - B. Melaka menjadi pusat perkembangan agama Islam
 - C. Melaka mendapat pengiktirafan daripada China
 - D. Melaka menjadi pusat perkembangan kegiatan intelektual
10. Mengapakah negeri-negeri taklukan Melaka cenderung mengikut amalan Melaka iaitu rakyat turut memeluk agama Islam?
- A. Menunjukkan taat setia kepada kerajaan Melaka
 - B. Menghormati pemerintah Melaka
 - C. Mengharapkan ganjaran daripada Melaka
 - D. Mengharapkan pembebasan daripada kerajaan Melaka
11. Zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah merupakan zaman kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. Apakah faktor yang menyebabkan tercetusnya kemerosotan itu?
- A. Masalah perpaduan
 - B. Masalah ekonomi
 - C. Masalah warisan takhta kerajaan
 - D. Kegiatan intelektual merosot
12. Negeri Kedah menjadi tumpuan pedagang-pedagang India. Apakah panggilan pedagang-pedagang tersebut terhadap Kedah?
- A. Kataha
 - B. Cheh-Cha
 - C. Sai
 - D. Kalah Bar

[Lihat halaman sebelah



13. Rajah di atas menunjukkan struktur pemerintahan dan pentadbiran negeri-negeri Melayu.

Apakah kelebihan pengamalan sistem pentadbiran di atas?

- A. Memupuk perpaduan rakyat
- B. Menjalin kesetiaan rakyat dengan pemerintah
- C. Menjamin pelaksanaan arahan pentadbiran dengan lebih efektif
- D. Merapatkan perhubungan rakyat dengan pemerintah

14. Berikut merupakan lokasi sumber ekonomi penting di Sarawak.

- Bau
- Bidi

Apakah kegiatan ekonomi di lokasi tersebut?

- A. Mengutip sarang burung
- B. Melombong emas
- C. Perdagangan
- D. Menanam padi huma

[Lihat halaman sebelah


SULIT

- Tarian Sumazau
- Tarian Magunatip

15. Tarian tersebut berkaitan dengan

- A. penangkapan ikan
- B. penanaman padi
- C. perlombongan arang batu
- D. perdagangan

16. Rajah menunjukkan sebab Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) ingin bertapak di Pulau Pinang pada kurun ke 18.



Apakah X ?

- A. Pelabuhan persinggahan
- B. Mendirikan logi
- C. Benteng pertahanan
- D. Tempat pertanian

17. Temenggung Abdul Rahman merupakan pemerintah Singapura dan Tanah Besar Johor pada tahun 1811. Di bawah beliau, Kuala Sungai Sirgapura menjadi penting sebagai

- A. pelabuhan dan pangkalan tentera
- B. pelabuhan dan pusat pentadbiran
- C. pangkalan tentera dan pusat pertanian
- D. pangkalan tentera dan pusat pentadbiran

[Lihat halaman sebelah

18. Berikut merupakan dua perkembangan penting yang berkaitan dengan jalan laut.

- **Pembukaan Terusan Suez**
- **Penciptaan Kapal Wap**

Apakah kesan perkembangan tersebut kepada Tanah Melayu ?

- A. Pengambilan Pulau Pinang oleh British
- B. James Brooke mengambil Sarawak
- C. Kenaikan harga bijih timah dan getah
- D. Campur tangan British di Negeri-Negeri Melayu

1896 – Pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

19. Kelemahan sistem Residen telah menyebabkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu atau Persekutuan 1896 dibentuk. Apakah faktor lain bagi pembentukan Persekutuan tersebut?

- A. Mengurangkan kemasukan imigran
- B. Pemberontakan pembesar Melayu
- C. Kemaraan kuasa Perancis
- D. Perkongsian perkhidmatan pakar

20. Zaman imperialis baru merupakan zaman kuasa besar bersaing untuk menguasai tanah jajahan pada akhir abad ke-19. Tumpuan kuasa-kuasa besar adalah di

- A. benua Asia
- B. benua Amerika.
- C. benua Australia.
- D. benua Eropah

21. Sultan Zainal Abidin III tidak mengiktiraf Perjanjian Bangkok malah telah menolak pelantikan Penasihat British di Terengganu. Apakah tindakan Sultan Zainal Abidin III seterusnya ?

- A. Menyerahkan takhtanya kepada Sultan Muhammad II
- B. Menemui Gabenor British di Pulau Pinang
- C. Menggubal perlembagaan Kerajaan Terengganu
- D. Memodenkan Negeri Terengganu

[Lihat halaman sebelah

22. Bagai orang mengantuk disorongkan bantal, James Brooke yang sedang mencari kawasan perdagangan telah menerima tawaran tersebut. Apakah yang dimaksudkan dengan tawaran tersebut?
- A. Pelantikan James Brooke sebagai Gabenor Sarawak
 - B. Pelantikan James Brooke sebagai Gabenor Kuching
 - C. Tawaran wang sebanyak 2500 dolar setiap tahun
 - D. Tawaran pencen dan sebuah rumah di Sarawak.
23. Keluarga Brooke telah melaksanakan dasar pecah dan perintah di Sarawak. Apakah yang dimaksudkan dengan dasar ini ?
- A. Kaum dipisahkan melalui kegiatan ekonomi dan petempatan
 - B. Kaum dipisahkan melalui daerah tempat tinggal
 - C. Kaum dipisahkan melalui kelas sosial dan pendapatan
 - D. Kaum dipisahkan melalui keturunan
24. Potensi ekonomi Sabah telah menarik perhatian ramai pelabur Barat. Pelabur Barat yang pertama melabur di Sabah datang dari negara
- A. Britain
 - B. Belanda
 - C. Sepanyol
 - D. Amerika Syarikat

Kudat	Pusat Pentadbiran Pertama
Sandakan	Pusat Pentadbiran Kedua

25. Syarikat Borneo Utara British (SBUB) telah memindahkan pusat pentadbirannya dari Kudat ke Sandakan pada tahun 1884. Apakah kelemahan Kudat sebagai pusat pentadbiran ?
- A. Keadaan geografi tidak sesuai untuk pertanian
 - B. Iklim yang terlalu panas dan lembap
 - C. Tanah yang tidak sesuai untuk petempatan
 - D. Kekurangan sumber bahan mentah

[Lihat halaman sebelah

- Skwad Terbang
- Sarawak Rangers

26. Apakah fungsi pasukan-pasukan ini di Sabah dan Sarawak ?


- A. Mengawal pertanian
- B. Mengawal pendidikan
- C. Mengawal keselamatan
- D. Mengawal pembangunan

27. Buah pala banyak ditanam di Pulau Pinang. Walaubagaimanapun, tanaman ini mengalami kemerosotan selepas tahun 1850-an.

Mengapakah situasi ini berlaku ?

- A. Serangan penyakit
- B. Persaingan dengan Indonesia
- C. Tanaman baru diperkenalkan
- D. Harga tidak stabil


28. Berikut merupakan ciri-ciri yang berkaitan dengan ekonomi dagangan di Tanah Melayu pada awal kurun ke-20.



Apakah X ?

- A. Berorientasikan eksport
- B. Melibatkan modal yang kecil
- C. Bercorak ekonomi sara diri
- D. Melibatkan penduduk luar bandar

[Lihat halaman sebelah



29. Apakah persamaan antara sekolah-sekolah di atas ?
- A. Dibiayai oleh kerajaan
 - B. Mengekalkan identiti kaum
 - C. Terletak di kawasan bandar
 - D. Berfokuskan pendidikan agama

*** Telah mengharumkan nama Rentap dalam kalangan orang Iban**

30. Apakah kejayaan Rentap semasa penentangan Brooke di Sarawak ?
- A. Menguasai Sungai Skrang.
 - B. Membunuh Allen Lee
 - C. Membakar perkampungan Brooke
 - D. Membina kubu di Bukit Sadok
31. Tok Janggut terkorban. Mayatnya diarak ke Pasir Puteh dan Kota Bharu, kemudiannya digantung songsang di Padang Balai Besar selama empat jam.
- Apakah iktibar daripada peristiwa tersebut ?
- A. Berjuang mempertahankan negara
 - B. Bertolak ansur terhadap penjajah
 - C. Berwaspada terhadap kuasa asing
 - D. Bermuafakat membuat keputusan

[Lihat halaman sebelah

32. Satu mesyuarat antara tokoh-tokoh berikut telah diadakan di Durian Sebatang, Perak.

- Raja Ismail
- Raja Abdullah
- Dato' Maharaja Lela

Apakah kesan mesyuarat tersebut ?

- A. Pembatalan hak pajakan
- B. Pengagihan konsesi perdagangan
- C. Pembunuhan Residen dirancang
- D. Perebutan takhta diselesaikan

Perkembangan yang berlaku di negara luar pada awal kurun ke-20 telah memberi inspirasi kepada penduduk Tanah Melayu untuk menentang penjajahan British.

33. Apakah perkembangan negara luar yang dimaksudkan ini ?

- I Perang Rusia-Jepun
- II Revolusi China
- III Gerakan Pan Islam
- IV Kebangkitan Kaum Tua

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

34. Kesatuan Melayu Muda ditubuhkan pada tahun 1938. Apakah dasar perjuangan Kesatuan Melayu Muda ?

- I Mencapai kemerdekaan
- II Mewujudkan Meiyu Raya
- III Mempertahankan agama Islam
- IV Meningkatkan kerjasama kaum

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

[Lihat halaman sebelah

35. Senarai berikut merupakan tokoh yang pernah berjasa di Tanah Melayu.

- Tan Jiak Kim
- Lim Boon Keng
- A. M. Soosay

Apakah sumbangan tokoh-tokoh di atas ?

- A. Memajukan ekonomi Tanah Melayu
- B. Menjaga kepentingan kaum
- C. Membina sekolah vernakular
- D. Menggubal perlembagaan negara

36. Gambar 1, menunjukkan poster propaganda pihak Jepun. Dalam poster tersebut tertera perkataan " Ya, Allah, terpeliharalah kami oleh tentera Jepun daripada aniaya".



Gambar 1

Apakah kepentingan poster seperti ini kepada pihak Jepun ?

- A. Mewujudkan pasukan tentera Jepun di Tanah Melayu
- B. Membebaskan Tanah Melayu daripada kuasa Barat
- C. Menyelamatkan penduduk Tanah Melayu
- D. Memenangi hati penduduk tempatan

[Lihat halaman sebelah

37. Senarai berikut menunjukkan pertubuhan-pertubuhan yang ditubuhkan di Tanah Melayu .

- Force 136
- Askar Melayu Setia (AMS)
- Pasukan Wataniah Pahang

Apakah persamaan yang terdapat pada ketiga-tiga pertubuhan tersebut ?

- A. Terlibat dengan gerakan anti-Jepun
- B. Terlibat dengan gerakan anti- Komunis
- C. Terlibat dalam usaha menyokong tentera Jepun
- D. Terlibat dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan

Andaikan diri anda telah menghadapi kesengsaraan hidup dan masalah kekurangan barangan keperluan harian semasa pendudukan Jepun.

38. Apakah tindakan anda untuk mengatasi masalah tersebut?

- I Kain diperbuat daripada benang nanas
- II Kasut daripada getah keping
- III Kertas daripada daun pokok
- IV Pakaian daripada guni

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan IV
- D. III dan IV

[Lihat halaman sebelah

SULIT

39. Senarai berikut merupakan strategi peperangan Jepun di Tanah Melayu

- Tukang gunting rambut
- Penarik beca
- Pekedai ikan hiasan

Apakah peranan golongan di atas?

- A. Ejen perisikan
- B. Tentera upahan
- C. Kamikaze
- D. Tentera sukarela


40. Jadual di atas berkaitan dengan cogan kata UMNO



Siapakah tokoh yang menukar cogan kata tersebut?

- A. Dato' Onn Bin Jaafar
- B. Syeikh Gharieb Raub
- C. Zainal Abidin Bin Ahmad
- D. Abdul Wahab Bin Abdul Aziz

41. Rajah di bawah menunjukkan struktur pentadbiran Malayan Union.



Apakah X?

- A. Majlis Penasihat
- B. Majlis Tertinggi
- C. Majlis Melayu (Majlis Raja-raja Melayu)
- D. Majlis Mesyuarat Kerja

[Lihat halaman sebelah

42. Sebaik sahaja keamanan dipulihkan di Tanah Melayu, kerajaan British telah memperkerahkan Malayan Union.
Apakah faktor yang mendorong pelaksanaannya?
- A. Memulihkan hak orang Melayu
 - B. Menjimatkan perbelanjaan pentadbiran
 - C. Memupuk perpaduan kaum
 - D. Memulihkan keamanan Tanah Melayu.

43. Dialog di bawah mungkin berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1940-an.

Sir Edward Gent	: Saya akan menjadi Gabenor pentadbiran Malayan Union di Tanah Melayu.
Sir Harold Mac Micheal	: Tahniah !, Saya memang menyokong pelaksanaan pentadbiran Malayan Union kerana itu satu usaha yang baik.

Mengapakah usaha tersebut dianggap sangat baik ?

- A. Memastikan golongan imigran dapat kembali ke negara asal
 - B. Mengukuhkan kuasa politik orang Melayu
 - C. Menyediakan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri
 - D. Menjamin masa depan orang Melayu di Tanah Melayu
44. Pasukan di bawah ditubuhkan semasa darurat.

Pasukan Home Guard

Apakah fungsi pasukan tersebut?

- A. Menjaga ladang dan kawasan lombong
- B. Menghantar bantuan makanan kepada penduduk
- C. Membantu polis dan tentera menjaga keselamatan
- D. Menyamar sebagai pengganas komunis

[Lihat halaman sebelah

Perang Saraf
<ul style="list-style-type: none">• Kempen “ Bulan Penduduk Tanah Melayu menentang komunis”• Pengedaran risalah menentang komunis• Membakar patung-patung komunis

45. Bagaimanakah rancangan di atas berjaya menyekat pergerakan komunis?

- A. Melemahkan gerakan Min Yuen
- B. Memulihkan keamanan di Tanah Melayu
- C. Mendapatkan sokongan orang Cina
- D. Memujuk rakyat berbilang kaum supaya bersatu

46. Kekejaman dan keganasan komunis, mengakibatkan kerajaan menggunakan Undang-Undang Darurat pada tahun 1948.

Apakah kesan politik akibat pengenalan undang-undang tersebut ?

- I Syarat kerakyatan orang bukan Melayu dilonggarkan
- II Sistem perhubungan dan kemudahan awam musnah
- III Pembangunan kawasan luar bandar kurang diberi tumpuan
- IV Penubuhan Malayan Chinese Association (MCA)

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

47. Maklumat berikut merupakan identiti orang bukan Melayu.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• <i>Ah Chong dilahirkan di Perak. Bapanya Ah Lim merupakan seorang pengusaha lombong bijih timah yang berkahwin dengan Mei Lim yang lahir di Tanah Melayu.</i> |
|---|

Ah Chong layak mendapat kerakyatan secara

- A. Naturalisasi
- B. Permohonan
- C. Jus Soli
- D. Kuatkuasa Undang-undang

[Lihat halaman sebelah

48. Mengapakah golongan berpendidikan Cina di Tanah Melayu telah menentang cadangan Laporan Barnes 1951 ?
- A. Bimbang kebudayaan dan bahasa Cina akan hilang
 - B. Membantah bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
 - C. Menentang pembentukan system pendidikan kebangsaan
 - D. Tidak bersetuju dengan usul pendidikan rendah secara percuma

•Konferensi Nasional •Konvensi Nasional
--

49. Apakah matlamat yang ingin direalisasikan oleh kedua-dua persidangan di atas ?
- A. Menggalakkan penggunaan bahasa Melayu
 - B. Mendorong pertumbuhan ekonomi
 - C. Mengadakan rundingan kemerdekaan
 - D. Melahirkan perpaduan kaum
50. Pilihan Raya Negeri yang pertama diadakan pada tahun 1954. Apakah tujuan pilihan raya ini?
- A. Memupuk kesedaran tentang sistem demokrasi
 - B. Memilih kerajaan yang bakal memerintah
 - C. Mendapat sokongan masyarakat yang berbilang kaum
 - D. Menghapuskan masalah rusuhan antara kaum

51. Apakah sumbangan tokoh-tokoh berikut?

• Dato' Panglima Bukit Gantang • Dato' Mohd Seth • Abdul Aziz Othman
--


- A. Mewakili Sistem Ahli
- B. Anggota Kabinet Pertama
- C. Anggota Suruhanjaya Pilihan raya
- D. Wakil raja-raja Melayu Ke London

[Lihat halaman sebelah

52. Mengapakah Suruhanjaya Reid telah dibentuk pada bulan Mac 1956 ?

- A. Menghasilkan memorandum untuk merangka perlembagaan
- B. Menyusun perlembagaan parti-parti politik di Tanah Melayu
- C. Menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- D. Membentuk perpaduan kaum ke arah kemerdekaan

53 . Rajah berikut menunjukkan kejayaan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.



Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada kejayaan di atas?

- A. Berwawasan
- B. Bertanggungjawab
- C. Bersyukur
- D. Bertolak ansur


- Sharifah Hajah Sipah Tuanku Othman
- Dayang Fauziah

54. Apakah sumbangan tokoh-tokoh di atas dalam sejarah negeri Sarawak?

- A. Mengalakkan kemasukan orang asing
- B. Memperjuangkan kedudukan wanita
- C. Menentang penyertaan Sarawak dalam Malaysia
- D. Membantah penyerahan Sarawak kepada British

[Lihat halaman sebelah

55. Rajah berikut menunjukkan langkah ke arah berkerajaan sendiri di Sarawak.



Apakah X ?

- A. Pembentukan Majlis Tempatan
- B. Pembahagian residensi
- C. Penubuhan Majlis Negeri
- D. Penubuhan Majlis Tertinggi

Charles Vyner Brooke membuat keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada Kerajaan British

56. Mengapakah Charles Vyner Brooke membuat keputusan tersebut?

- I Tidak mendapat sokongan pembesar tempatan
- II Penentangan masyarakat tempatan
- III Masalah kewangan
- IV Tidak mempunyai waris

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

57. Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan parti politik di Sabah.

- Memperjuangkan hak kaum Bumiputera Muslim
- Menukar nama Borneo Utara kepada Sabah
- Menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan

Apakah parti tersebut?

- A. Pasok Momogun
- B. Persatuan Cina Sabah
- C. Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu
- D. Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu

[Lihat halaman sebelah

58. Apakah faktor pemisahan Singapura dari Malaysia?

- A. Persekutuan Malaysia menolak kemasukan Singapura
- B. Singapura mencapai status pusat perindustrian
- C. Pertikaian Parti Perikatan dengan PETIR
- D. Singapura menolak keistimewaan cukai

- Satu pertiga penduduk Sabah dan Sarawak menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat
- Satu pertiga penduduk menyokong dengan syarat kepentingan mereka dilindungi
- Satu pertiga penduduk mahukan Sabah dan Sarawak diberi kemerdekaan dahulu sebelum menyertai Persekutuan

59. Rumusan laporan di atas dikemukakan oleh

- A. Suruhanjaya Reid
- B. Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia
- C. Suruhanjaya Cobbold
- D. Jawatankuasa antara Kerajaan

60. Jadual berikut menerangkan usaha Malaysia menangani konfrantasi Indonesia – Malaysia.

- Malaysia membuat bantahan rasmi terhadap pencerobohan tentera Indonesia kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Usaha Malaysia dihalang oleh

- A. Britain
- B. Rusia
- C. New Zealand
- D. Australia

KERTAS SOALAN TAMAT